

KOTA KINABALU, 19 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENYATAKAN PUASHATI DENGAN KADAR PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI SABAH DALAM TEMPOM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

KATANYA, SABAH TELAH MENCAPI 90 PERATUS DARIPADA MATLAMAT YANG DITETAPKAN DI BAWAH RANCANGAN PEMBANGUNAN SEKARANG DAN BERHARAP KADAR YANG SAMA AKAN DAPAT DICAPAI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT. BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN KRITERIA INI SAHAJA TIDAK MEMADAI BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN MEMBERIKAN PERUNTUKAN KEPADA NEGERI INI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KEPUTUSAN MENGUNTUKKAN WANG KEPADA SESEBUAH NEGERI ADALAH BERDASARKAN BUKAN SAHAJA KEPADA PRESTASINYA TETAPI JUGA DIAMBIL KIRA LAIN-LAIN FAKTOR SEPERTI KEPERLUAN LAIN-LAIN KAWASAN YANG PATUT DIPERTIMBANGKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA KESELURUHANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGERI SABAH OLEH KETUA MENTERI, DATUK HARRIS SALLEH DI SINI.

DALAM TAKLIMATNYA, DATUK HARRIS TELAH MEMINTA PERUNTUKAN SEBANYAK \$8,770 JUTA UNTUK SABAH DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

JUMLAH TERSEBUT MERUPAKAN TIGA KALI GANDA LEBIH BANYAK DARI PERUNTUKAN DI BAWAH RANCANGAN PEMBANGUNAN SEKARANG YANG BERJUMLAH \$2,798 JUTA. — BERSAMBUNG 1910/YF

B613

MAHATHIR-SABAH 2 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PENCA-PAIAN EKONOMI KESELURUHANNYA DI SABAH SETAKAT INI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA TERMASUK PELAKSANAAN BERBAGAI PROJEK OLEH LEMBAGA KERAJAAN PENYUTANAN SABAH (SAFODA), LEMBAGA PEMASARAN SABAH (SAMA) KOPERASI PEMBANGUNAN DESA, (KPD) DAN KOPERASI JELATA SABAH BERHAD (KOJASA).

BELIAU KEMUDIAN DIBERI PENERANGAN MENGENAI KEGIATAN KAYU BALAK, METHANOL, PETROLEUM, PAPAN LAPIS DAN PROJEK-PROJEK KERTAS.

DATUK HARRIS JUGA BERKATA KERAJAAN NEGERI KINI SEDANG MENYIAPKAN LAPORAN DAN CADANGAN BAGI PROJEK-PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT DAN BERHARAP KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN BERMURAH HATI MEMBIAYAI SEPARUH DARIPADA JUMLAH YANG DIMINTA.

TAMBAH BELIAU, SABAH MEMERLUKAN JUMLAH SEBANYAK ITU BAGI MENGEKALKAN KADAR PEMBANGUNAN YANG BERJALAN SEKARANG DAN JUGA UNTUK MENCAPI PERIMBANGAN DENGAN LAIN-LAIN NEGERI DI MALAYSIA.

DATUK HARRIS BERKATA SEBENARNYA SABAH TIDAK MENGHADAPI MASALAH SERIUS UNTUK PEMBANGUNAN KECUALI KEKURANGAN TENAGA MAHIR, TERUTAMANYA DOKTOR, GURU, JURUKUR DAN LAIN-LAIN KAKITANGAN TERLATIH. — BERSAMBUNG 1918/YF

MAHATHIR 3 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMINTA PENJELASAN TERUTAMA DALAM PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN YANG MENURUTNYA PERLU DIKAJI LEBIH MENDALAM BAGI MENENTUKAN SAMA ADA BOLEH MENGUNTUNGKAN ATAU TIDAK.

BELIAU JUGA DIBERITAHU TENTANG MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ORANG RAMAI APABILA MENAIKI KAPALTERBANG ANTARA BANDAR-BANDAR DI SABAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHU SUPAYA DISIAPKAN SATU KERTAS-KERJA UNTUK DIKAJI OLEH BELIAU TERMASUK STATISTIK MENGENAI JUMLAH MEREKA YANG PERGI KE SINGAPURA DARI KOTA KINABALU DAN DARI SANA KE SEBERANG LAUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGHADIRI UPACARA MENANDATANGANI TIGA PERJANJIAN — ANTARA SAFODA DENGAN PERBADANAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN ARAB SAUDI, BAGI SATU USAHASAMA MENGELUAR DAN MEMPROSES KAYU BALAK.

SATU PERJANJIAN LAGI IALAH ANTARA SAFODA DENGAN RATTAN
MANAGEMENT SERVICES SDN. BHD. UNTUK MEMAJUKAN SATU KAWASAN 10,000
EKAR DI KINABATANGAN DAN PERJANJIAN KETIGA IALAH USAHASAMA
YAYASAN SABAH DENGAN FIMA UNTUK MENANAM KOKO DI PANTAI TIMUR.
DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAKU PENERUS FIMA MENANDATANGANI
PERJANJIAN ITU. — BERNAMA 1930/SZ

138